

العائدات

ALMUAMALAT

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ◆ SIRI 07 ◆ PP1703/10/2012(031346)

FOKUS:


IBADAH WAKAF DALAM ISLAM

*Ini adalah berdasarkan kepada hadis dari Umar yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Syafie sebagaimana mafhumnya: “**Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya dan berilah jalan Allah akan buahnya (hasilnya).**”*

Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol: 1300-88-8787



- ◆ Perundungan Wakaf di Malaysia: Kajian Berkennaan Wakaf Istibdal
- ◆ Wakaf dan Kepentingannya di Sisi Umat Islam
- ◆ Oxford Sokong Wakaf Korporat

Wakaf
Selangor Muamalat

esok masih ada?

pastikan hari ini adalah milik kita kerana belum pasti
adakah hari esok kita masih diberi peluang

Perkhidmatan
mewakafkan pulangan
sebahagian daripada
akaun simpanan
dan semasa
Bank Muamalat

...dengan Wakaf Selangor Muamalat
esok masih ada untuk YOU & I

1-300-88-8787
www.muamalat.com.my

usaha sama:



**“Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya dan berilah
jalan Allah akan buahnya (hasilnya).”**


(HR al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i)

KANDUNGAN

MUKA SURAT

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG	2
SEJENAK BERSAMA ...	3
SENGAT CIK LEBAH	3
FOKUS: Ibadah Wakaf dalam Islam	4
Wakaf Baiki Ekonomi Negara	6
Tokoh Ekonomi Islam: Tan Sri Muhammad Ali Hashim	8
Wakaf Selangor Muamalat	10
RINGKASAN PERKHIDMATAN WAKAF: Wakaf Selangor Muamalat	13
Perundangan Wakaf di Malaysia: Kajian Berkenaan Wakaf Istibdal	14
Wakaf dan Kepentingannya di Sisi Umat Islam	16
Wakaf Institutions in Malaysia	18
Oxford Sokong Wakaf Korporat	20
UNIT PENYELIDIKAN SYARIAH: Wakaf Tunai: Hukum dan Konsep Asas	22
LAMAN TAFAQQUH: Musibah Lenyap, Doapun Hilang	27
GLOSARI SYARIAH	28

SIDANG REDAKSI



Penasihat

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Ketua Editor

Mohd Hafiz Haji Fauzi

Sidang Editor

Raja Saadi Raja Amrin
Muhamad Fadli Abdullah
Saidatul Leiza Suleiman
Nurul Aiman Abdul Basik@Dzulkifli
Syahnazrin Hashim

Pereka Grafik

Md Zaid Nadwi Ramli

Penerbit

Jabatan Syariah, Tingkat 20,
Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100
Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:

WAHLITHO PRINTING SDN. BHD
(765640-U)
No. 7, Jalan Cempaka 15,
Taman Cempaka Ampang,
68000 Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-9281 4834
Faks : 03-9285 2775

Sekapur sirih Seulas Pinang



YBhg Dato' Haji Mohd. Redza Shah Abdul Wahid

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT di atas segala rahmat dan kurnia dari-Nya, kita masih mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga, para sahabat serta tabi' dan tabi'in yang sentiasa tersemat dalam ingatan. Bersyukur kepada Allah SWT di atas keizinan-Nya juga majalah ini dapat diterbitkan dengan usaha Jabatan Syariah serta sekaligus memberi manfaat serta penerangan kepada pembaca.

Sebagai umat islam, sudah pasti kita mengharapkan keselesaan hidup di dunia maupun di akhirat. Seorang Muslim tidak akan mencapai kebahagiaan yang hakiki kecuali dengan mentaati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Salah satu cara untuk mencapai kebahagiaan di akhirat adalah dengan berwakaf di mana manfaat harta wakaf adalah untuk kebaikan umum dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dengan itu, diharapkan dengan penghasilan majalah ini dapat memberi galakan dan serba-sedikit penerangan berkenaan dengan konsep wakaf serta kelebihan berwakaf. Oleh itu, marilah kita sama-sama mendapatkan keredhaan Allah SWT dengan berwakaf dengan niat suci semata-mata kerana Allah SWT. Mudah mudahan kita tergolong di antara orang-orang yang sentiasa bersyukur dengan rezeki dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT di mana harta yang ada dikongsi bersama dengan individu yang memerlukan. Wallahu'lam.

Sekian terima kasih.

Sejenak Bersama...

YBhg Dr. Wan Marhaini Wan Ahmad

Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh ahli keluarganya, para sahabat, tabi' dan tabi'in serta para ilmuan. Alhamdulillah dengan petunjuk dan izinnya, penerbitan majalah Al-Muamalat ini dapat diteruskan dengan tema yang dibawakan pada kali ini iaitu wakaf.

Wakaf adalah amalan mulia yang sangat digalakkan dalam Islam. Sebagai salah satu mekanisme kebajikan, wakaf agak unik berbanding dengan sedekah, hadiah dan derma kerana harta yang diwakafkan itu akan di 'tahan' iaitu tidak dihabiskan tetapi sebaliknya apa-apa manfaat atau pulangan daripada penggunaan harta wakaf itu boleh dibelanjakan.

Program wakaf amat luas dan tidak terbatas kepada projek 'keagamaan' semata-mata tetapi meluas kepada apa-apa aktiviti yang menepati amal yang soleh dan berkepentingan awam. Boleh disimpulkan bahawa aktiviti baik yang berterusan dan mendatangkan manfaat kepada pihak lain adalah dalam ruang lingkup wakaf atau sedekah jariah. Sebagai seorang Muslim, kita hendaklah memanfaatkan setiap detik dari usia yang kita lalui dengan beramal soleh. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Jika anak Adam meninggal, maka amalnya terputus kecuali dari tiga perkara, sedekah jariyah (wakaf), ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang berdoa kepadanya."

(HR Muslim).


Di sini dapat kita simpulkan bahawa betapa tingginya nilai rahmat dan kasih Allah SWT terhadap hamba-Nya, memberikan peluang untuk memperolehi pahala walaupun kita sudah berada di dalam barzakh. Sekarang terserahlah kepada kita untuk mengambil peluang keemasan ini selagi hayat masih ada. Oleh itu marilah kita merebut peluang dengan meraih pahala yang berlipat ganda dengan amalan bersedekah dan berwakaf semata-mata kerana Allah SWT. Wallahu'lam.

Sekian, wassalam.

Di sebuah balairaya...

Ana : saya
Enta : awak

Sengat cik lebah



Ana baru dapat bonus dari syarikat ana. Alhamdulillah, dapat juga rezeki. Ana cadang nak tukar kereta baru la. Enta ada apa-apa cadangan tak?

Alhamdulillah, rezeki dari Allah. Terpulang pada enta lah. Tapi jangan lupa bersyukur dengan rezeki yang ada. Jika kita kongsikan sebahagian dari rezeki yang ada dengan berwakaf kepada yang memerlukan lagi subur dan berkat harta kita, betul tak? Amalan pula berkekalan...





FOKUS: Ibadah Wakaf dalam Islam

Oleh: Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Wakaf merupakan salah satu cara ibadah atau cara menghampiri diri kepada Allah (taqarrub ilallah) menerusi harta kekayaan. Wakaf juga merupakan salah satu ibadah yang awal di dalam Islam yang diizinkan oleh syarak. Dengan itu amalan wakaf telah menjadi satu tradisi kepada para pemerintah dan hartawan-hartawan muslimin di abad pertengahan Islam yang dilakukan secara meluas khususnya di negara-negara Arab dan Asia Tengah. Sehingga dikebanyakannya negara Arab ditubuhkan satu kementerian khas untuk mengendalikan urusan harta wakaf - disebabkan harta wakaf yang terlalu banyak dan tidak terurus.

Definisi Wakaf

Wakaf pada bahasa bererti menahan dari dijual beli dan lain-lain (*al-Habsu an al-Tasarruf*). Perkataan wakaf, (*Tahbis*) dan (*Tasbil*) adalah satu makna sahaja. Dengan makna itu, di kebanyakannya negara Arab Kementerian Hal Ehwal Wakaf disebut *Wizarah al-Aqaf*. Hanya negara Maghribi sahaja dikenali sebagai *Wizarah al-Ahbas*.

Menurut kitab Nail Awtar, wakaf dari segi syarak bermaksud menahan harta itu pada jalan Allah SWT untuk diberi mafaatnya kepada golongan fakir dan musafir dengan mengekal aiannya (asal) sebagai pemilik pemberi wakaf.

Para fuqaha telah bersepakat memberi definisi wakaf berdasarkan istilah bahasa dengan "*al-Habs*" bererti menahan kerana ia lebih hampir kepada pergettian syarak. Ini adalah berdasarkan kepada hadis dari Umar yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Syafie sebagaimana mafhumnya: "*Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya dan berilah jalan Allah akan buahnya (hasilnya)*."

Syed Uthman al-Habsyi menekankan definisi wakaf yang paling jelas seperti yang diterangkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya iaitu: "*Bahawa Sayidina Umar RA pernah berkata: Wahai Rasulullah! Saya telah memperoleh harta*

yang tidak pernah saya perolehi sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah SWT menerusinya, lalu diajawab oleh Rasulullah SAW: Tahanlah (wakafkan) asal harta itu dan sedekah hasilnya, lalu Sayidina Umar RA dijadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual beli, diberi dan diwarisi."

Definisi Wakaf Pada Syarak

Dari Segi Istilah: Wakaf ialah menahan harta benda yang kekal ainnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan, serta terhalang dari boleh digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakafkan dan dimanfaatkan itu dengan harapan ianya dapat mendekatkan dirinya kepada Allah SWT. Jelas, dari segi istilah, *"wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan serta terhalang dari digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakafkan dan dimanfaatkan itu, dengan harapan ianya dapat mendekatkan dirinya kepada Allah SWT."*

Di sisi Abu Hanifah: Wakaf ialah menahan sesuatu aset atau harta yang sah pemilik pewakaf dan bersedekah manfaatnya ke jalan kebajikan.

Di sisi Jumhur Ulama: Pendapat dua sahabat Abu Hanifah (Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani) serta difatwakan di dalam mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali: *"Menahan barang serta harta yang boleh dimanfaatkan serta kekal asetnya dengan memutuskan digunakan pakai ke atas aset itu dari pihak pewakaf atau lainnya ke arah kegunaan yang harus atau digunakan penghasilannya ke arah kebaikan dan kebajikan kerana mendamping diri kepada Allah."*

Di sisi Mazhab Maliki: Pemilik menjadikan manfaat yang dimilikinya sekalipun dimilikinya dengan menyewa ataupun dijadikan penghasilan seumpama wang kepada yang memerlukan dengan jalan berlafaz untuk jangka masa yang ditetapkan oleh pewakaf. Dengan itu, wakaf di sisi mazhab Maliki ialah tidak memutuskan hak pemiliknya pada aset yang diwakafkan, hanya memutuskan hak menggunakan sahaja.

Hukum Mewakafkan Harta-harta dan Hikmahnya

Hukum wakaf di sisi jumhur ulama selain dari mazhab Hanafi adalah sunat dan digalakkan. Ianya terhasil dari amalan pemberian sedekah yang digalakkan. Firman Allah SWT:

Maksudnya: *"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai."*

(Surah ali-Imran: 92)

Ayat ini pada umumnya memberi mesej tentang menghulurkan harta benda ke jalan kebajikan dan kebaikan manakala mewakafkan harta ialah menghulurkan harta benda ke jalan kebajikan. Rasulullah SAW bersabda di dalam sebuah hadis mengenai Sayidina Umar yang terdahulu menyatakan:

Maksudnya: *"Sekiranya engkau mahu maka engkau wakafkan asetnya dan bersedekah hasilnya."*

Penutup

Dengan amalan wakaf ia menanamkan semangat sedia berkorban dan memupuk budaya muafakat dan kerjasama dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Semangat ini sangat penting untuk pembangunan ekonomi. Ekonomi muafakat di kalangan ahli masyarakat adalah asas kepada kestabilan dan kemantapan ekonomi bernegara. Justeru itu, Islam pada awalnya telah menganjurkan satu prinsip yang dinamik, iaitu prinsip al-'Adl wa al-Ihsan (keadilan dan muafakat) dalam menyusun dan membangun sesebuah ekonomi.

"Ramai orang yang berwakaf untuk kemudahan masyarakat antaranya ialah mewakafkan kereta jenazah, al-Quran, kitab-kitab Yasin, buku-buku zikir, komputer dan sebagainya bagi kegunaan jemaah dan orang ramai yang datang ke masjid. Ini merupakan amalan yang mulia, apatah lagi disertai dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT".

- Y.B. Dato' Sri Dr. Zahid Hamidi
Di Majlis Perasmian Pelancaran Wakaf Al-Quran



Sejarah telah membuktikan, Islam pernah mencapai zaman kegemilangan ekonomi yang sangat hebat. Hinggakan tiada seorangpun yang layak menerima zakat kerana tahap kemiskinan adalah sifar. Ia berikutan perancangan ekonomi yang sistematik dan teliti yang diamalkan oleh pemerintah Islam pada zaman tersebut, di samping mengaplikasikan amalan ekonomi Islam dalam pemerintahan.

Salah satu daripadanya adalah amalan wakaf. Al-Qurtubi berpendapat wakaf ialah mengeluarkan harta dan manfaat yang dimiliki ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT demi untuk menghampirkan diri kepada-Nya.

Wakaf bukan sesuatu yang baru untuk diperkenalkan. Malah ia telah diamalkan sejak dari era pemerintahan sahabat dan tabi'in yang terbukti berkesan.

Sehingga kemuncak kepada gagasan wakaf pada zaman Khalifah Uthmaniyyah iaitu, *"Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidur dalam bualan yang diwakafkan, membaca buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji daripada*

pentadbiran wakaf, dan akhirnya bila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf."

Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor

Sebab itu kata Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Abu Bakar Yang, wakaf mampu membaiki ekonomi negara.

Malah, mencontohi kegemilangan ekonomi pada zaman pemerintahan Islam, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan nasihat Sultan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah telah menubuhkan PWS pada bulan Februari tahun lalu.

PWS adalah perbadanan yang berperanan untuk menggalakkan, mendorong, membantu, mengusaha dan memajukan harta serta produk wakaf mengikut hukum syarak.

Kata Abu Bakar, jika amalan wakaf berkembang pesat di negara ini, ia diyakini dapat membantu membaiki ekonomi.

Beliau berkata, konsep menerima dan mengurus mengembangkan harta dalam amalan wakaf dapat membantu memperbaiki dan menyusun atur sistem ekonomi negara dengan menyumbangkan hasil wakaf kepada golongan yang memerlukan.

Sebagai contoh katanya, Universiti al-Azhar, Mesir, ditubuhkan hasil daripada kutipan wakaf. Kini, pelajar yang menyambung pelajaran di universiti Islam tertua itu hanya perlu membayar yuran pada kadar yang minimum sahaja.

Pencapaian itu kerana, kutipan harta wakaf diuruskan dan dikembangkan untuk manfaat masyarakat dengan cara melakukan kitaran pendapatan pada hasil harta wakaf tersebut.

"Tidak mustahil juga di negara ini, dengan kutipan wakaf yang disumbangkan mampu menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang mengamalkan sistem ekonomi Islam dengan gemilang. Tidak mustahil pelajar tidak dikenakan bayaran dengan tertubuhnya sekolah wakaf, pesakit juga tidak dicaj satu sen pun dengan terbinanya hospital wakaf," katanya.

Selain menerima dan menguruskan kutipan harta wakaf, PWS turut berfungsi sebagai agensi penyelaras di dalam pelaksanaan kemajuan pembangunan harta dan produk wakaf secara pesat serta melaksanakan kajian dan pembangunan di dalam semua aspek harta dan produk wakaf.

Abu Bakar berkata, *"berbeza dengan kutipan zakat, harta wakaf dilihat lebih memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara kerana ia boleh dimanfaatkan tanpa batasan selagi tidak menyalahi hukum syarak."*

"Zakat wajib dikeluarkan oleh semua umat Islam yang cukup syarat. Walaupun zakat juga memainkan peranan untuk pembangunan ummah, tetapi ia terbatas kepada golongan sasaran sahaja iaitu lapan golongan asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran dan perlu diagihkan segera pada tahun yang sama.

"Akan tetapi, harta wakaf berkekalan dan memberi manfaat berpanjangan kepada seluruh masyarakat dengan cara terus digunakan atau melakukan kitaran pendapatan pada hasil harta wakaf tersebut," jelasnya.

Hikmah Wakaf

Bagaimanapun kata Abu Bakar, misi itu dilihat sukar untuk dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada seluruh masyarakat. *"Ramai di kalangan umat Islam yang masih belum menyedari hakikat kepentingan dan hikmah wakaf. Ramai yang beranggapan mereka akan kehilangan harta jika memberikan wakaf."*

"Begini juga pemikiran orang ramai yang mengatakan untuk memberi wakaf memerlukan harta yang banyak, sama ada untuk dijadikan tapak perkuburan atau masjid sahaja."

"Sebenarnya wakaf adalah luas. Ingin memberi wakaf tidak memerlukan harta yang banyak dan hasilnya juga akan dimanfaatkan untuk pelbagai kegunaan lain," katanya.

Tambahnya, di dalam kepercayaan agama lain juga telah mengamalkan sama seperti konsep wakaf dan terbukti berjaya sehingga mampu membina bangunan yang hebat dan gah. Dengan serendah RM5 sebulan, orang ramai turut boleh menyumbang mewakafkan harta untuk kebajikan pembangunan ummah.

Dipetik daripada:

<http://www.utusan.com.my/utusan/info>

"Konsep wakaf bukannya baru. Wakaf berperanan sebagai sumber kekuatan ekonomi ummah hingga tidak perlu terlalu bergantung kepada dana kerajaan."

— Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, Seminar Wakaf: Penjana Pembangunan

TOKOH EKONOMI ISLAM



TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM

Tan Sri Muhammad Ali Hashim merupakan bekas Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp) dan telah menjadi CEO selama lebih 28 tahun (semenjak 1 Januari 1982).

Dalam tempoh tersebut, hasil usaha gigih barisan Intrapreneur JCorp (atau Usahawan Amanah JCorp) telah memangkinkan Kumpulan JCorp berkembang sebagai salah sebuah badan korporat utama di Malaysia yang menerajui pasaran dalam beberapa bisnes strategik.

Muhammad Ali juga merupakan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Pengurus Biro Korporat DPIM dan Pengurus Waqaf An-Nur Corporation Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad).

Waqaf An-Nur Corporation Berhad merupakan syarikat jaminan terhad yang bertanggungjawab bagi mengurus ekuiti JCorp dalam syarikat-syarikat tersenarainya yang telah diwakafkan.

Pada 3 Ogos 2006, JCorp telah mewakafkan saham bernilai RM200 juta (Nilai Aset Bersih)

kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad. Ianya merupakan langkah pertama yang diambil dalam transformasi JCorp kepada "Perbadanan Wakaf" pertama di dunia, Insya Allah.

Pada 2007, JCorp telah sekali lagi mewakafkan saham miliknya ke dalam syarikat TPM Management Sdn Bhd yang memiliki premis membeli belah Larkin Sentral di Johor Bahru, bernilai RM50.3 juta (Nilai Aset Bersih). Larkin Sentral membentuk sejarah sebagai pusat membeli belah pertama yang diwakafkan sekaligus meningkatkan nilai terkumpul Wakaf Korporat oleh JCorp menjadi RM250 juta. Pada akhir 2011, jumlah nilai aset WANCorp telah meningkat kepada RM538 juta.

Konsep Perbadanan Wakaf JCorp merupakan satu strategi dalam menjayakan misi korporatnya, "Jihad Bisnes".

Dipetik daripada: <http://www.businessjihad.com>



Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum sampai ajal maut seseorang dari kamu, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan berkata: Wahai Tuhanaku! Alangkah baiknya jika Engkau lambatkan kedatangan ajalku sekejap lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang yang soleh”

(Al-Munafiqun: 10)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bandingan (pahala) orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (pahala) bagi setiap yang Dia kehendaki dan Allah Maha Luas (Kurniaan-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

(Al-Baqarah: 261)



WAKAF SELANGOR MUAMALAT

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah membuat kerjasama strategik dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi melancarkan perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat (WSM). Bagi perkhidmatan wakaf ini, BMMB bertindak sebagai ejen kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mengutip harta wakaf daripada pelanggannya dan masyarakat umum.

BMMB Sebagai Pentadbir dan Pengumpul Harta Wakaf

Perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat memberi peluang kepada orang ramai khasnya para pelanggan BMMB di kalangan orang-orang Islam dan Bumiputera yang ingin menunaikan tanggungjawab berwakaf. Juga kepada orang bukan Islam yang ingin memberikan sumbangan, tetapi tidak berkemampuan untuk berwakaf dengan menggunakan harta tetapi memadai berwakaf dengan minimum RM2.00 sahaja.


Kemudian hasil kutipan wakaf ini akan disalurkan kepada pembangunan pendidikan, kesihatan, pelaburan dan juga lain-lain tujuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) dari semasa ke semasa.

Wakaf Selangor Muamalat Membangunkan Ummah

Prospek wakaf ini sangat luas dan tidak terbatas kepada projek ibadah khusus semata-mata tetapi meluas kepada apa-apa aktiviti yang berkepentingan awam seperti:

- i. Pembangunan institusi pendidikan seperti Maahad Tahfiz, Universiti dan sebagainya;
- ii. Pembangunan insitusi kesihatan seperti hospital dan klinik; dan
- iii. Pelaburan dana wakaf.


Atas kesedaran ini, BMMB merasakan perlu diwujudkan tabung berbentuk wakaf untuk menggerakkan penglibatan orang ramai terhadap pembangunan institusi pendidikan dan kesihatan. Sesetengah negara Islam seperti Mesir, Syria dan Maghribi telah pun menyediakan dana wakaf bagi membantu institusi pendidikan seperti universiti dengan menaja fakulti-fakulti perubatan. Gambarajah 1 adalah cadangan carta aliran pengurusan dana wakaf:



Gambarajah 1: Cadangan Carta Aliran Pengurusan Dana Wakaf

Strategi Pelaksanaan

Bagi Perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat, sebuah jawatankuasa telah dibentuk dan dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) yang melibatkan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Jawatankuasa ini akan dipantau oleh Jawatankuasa Wakaf Majlis iaitu sebuah jawatankuasa khas yang bertindak memantau dan melaporkan segala aktiviti wakaf kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan negeri Selangor.



Gambarajah 2: Cadangan Jawatankuasa Pengurusan Bersama

Kelebihan dan Manfaat Wakaf Selangor Muamalat

Faedah Kepada BMMB

- Dapat melunaskan tanggungjawab korporat sosial BMMB dengan memberi dan berkongsi kekayaan dengan masyarakat
- Boleh menjana dana yang mana akan membantu pembangunan aset wakaf untuk kegunaan institusi pendidikan dan kesihatan
- Dana wakaf ini dapat membantu institusi pendidikan yang menghadapi kekangan kewangan
- Dana wakaf ini akan mengurangkan kebergantungan institusi pendidikan dan kesihatan kepada bantuan daripada kerajaan

Faedah Kepada Pelanggan BMMB dan Orang Ramai

- Wakaf adalah merupakan salah satu cara untuk memperolehi keberkatan dan pahala daripada Allah SWT.
- Pewakaf (pelanggan BMMB, kakitangan dan orang ramai) akan mendapat kebaikan bersedekah jariah seperti yang telah dijanjikan Allah SWT yang bermaksud:-

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa juu yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

(Surah Ali Imran: 92)

- Menggalakkan masyarakat Islam untuk memberi bantuan dalam bentuk wakaf yang bertujuan berkongsi kekayaan di antara orang kaya dan orang miskin. Wakaf tunai ini adalah mudah dan tidak memerlukan modal yang besar dan seterusnya memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang berkemampuan untuk berwakaf.

Penutup

Dengan adanya Wakaf Selangor Muamalat ini, semoga iaanya dapat mengurangkan kebergantungan institusi pendidikan dan kesihatan terhadap bantuan daripada kerajaan seterusnya dapat membantu mengurangkan bebanan rakyat yang tidak mampu untuk menanggung bebanan kos perubatan dan pendidikan yang semakin meningkat.

GALERI PEMBANGUNAN WAKAF:

- Pembelian Peralatan Untuk Kompleks Islam Kuching, Sarawak
- Pembinaan Asrama Pelajar Bagi Daerah Besut Di Atas Tanah Wakaf Lot 2654, Mukim Kg. Raja, Besut, Terengganu
- Hotel Wakaf Terengganu
- Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah, Sg. Nibong
- Pembinaan Hotel Wakaf Dan Baitul Hilal, Port Dickson, N. Sembilan
- Pembinaan Rumah Perlindungan Wanita, Mukim Pulai, Johor Bahru
- Pembinaan Ruang Niaga & Pusat Dialisis, Batu Pahat, Johor
- Pembinaan Rumah Kedai di Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis
- Pembinaan Hotel Wakaf Taiping di Taiping, Perak
- Pembinaan Hotel Wakaf, Tg. Kling, Melaka Tengah, Melaka
- Pembinaan Pusat Kegiatan Saudara Baru Rahang Square, Seremban, Negeri Sembilan
- Kompleks Pendidikan al-Mashoor di Balik Pulau, Pulau Pinang
- Pembinaan Ruang Niaga di Atas Lot 85-94, Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak
- Pembinaan Bangunan Asrama Anak Yatim, Machang, Kelantan
- Pembinaan Asrama Anak Yatim di Kota Setar, Kedah
- Pembinaan Kompleks Wakaf di Atas Lot PT 45531 Seksyen 9, Kajang, Ulu Langat, Selangor

Sumber: <http://www.jawhar.gov.my/iwakaf/>

RINGKASAN PERKHIDMATAN WAKAF

NAMA PERKHIDMATAN: WAKAF SELANGOR MUAMALAT

1. Konsep Syariah

- 1.1 Istilah **wakaf** merupakan satu perkataan yang terbit daripada kata dasar “waqafa”. Wakaf bermaksud menahan harta benda yang kekal zatnya. Manfaat harta ini boleh digunakan untuk tujuan kebajikan oleh individu atau pihak yang ditentukan sahaja.

2. Rukun

- 2.1 Pewakaf (*Al-Wakif*)
- 2.2 Harta yang diwakafkan (*Al-Mawku*)
- 2.3 Penerima Wakaf (*Al-Mawku* 'Alayh)
- 2.4 Lafaz Wakaf (*Sighah*)

3. Modus Operandi

- 3.1 Pelanggan boleh menyumbang untuk dana wakaf melalui pelbagai kaedah:
 - Melalui kaunter
 - Hibah daripada akaun simpanan atau akaun semasa Wadiyah BMMB pelanggan
 - Arahan pembayaran berkala (PPI) daripada akaun simpanan atau akaun semasa BMMB dan pelanggan yang bergaji bulanan melalui BMMB
- 3.2 Selaku ejen kepada institusi wakaf, BMMB dibenarkan untuk mengutip dana wakaf daripada masyarakat awam.
- 3.3 Dana wakaf tersebut akan dipindahkan ke Akaun Wakaf Induk institusi wakaf tertentu sebelum diagihkan untuk program-program pendidikan, kesihatan dan pelaburan.

“Wakaf Korporat bertujuan memenuhi agenda meningkatkan status ekonomi ummah secara berkekalan dan berteraskan institusi”.

— Raja Muda Perak, DYMM Raja Dr. Nazrin Shah, Seminar Wakaf: Penjana Pembangunan

PERUNDANGAN WAKAF DI MALAYSIA: **KAJIAN BERKENAAN WAKAF ISTIBDAL**

Oleh: Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri



Mukadimah

Isu wakaf sentiasa hangat dan dibincangkan dari semasa ke semasa oleh para ulama. Begitu juga fatwa dikeluarkan untuk menyelesaikan kemelut dan permasalahan ummah. Antara isu wakaf yang banyak difatwakan dan menjadi perselisihan sama ada di kalangan ulama terdahulu atau masa kini ialah isu wakaf istibdal.

Definisi Wakaf Istibdal

Seperti mana yang dimaklumi, wakaf telah diterangkan definisinya. Adapun istibdalnya pula, ia berasal daripada perkataan *istabdala*, *yastabdilu*, *istibdaalan* yang memberi maksud menukar. Atau dengan kata lain, satu harta wakaf seperti tanah ditukar atau ditebus dengan tanah atau rumah yang lain untuk ditukarkannya dan dijadikan wakaf.

Istibdal wakaf merupakan istilah penggantian barang wakaf yang telah dijual mahupun penggantian dalam hal peruntukan wakaf (Dr. Muhammad Abid Abdullah al-Kabisi: 2003).

Maksud wakaf istibdal ialah dengan menjual harta wakaf sedia ada kemudian membeli harta atau aset yang sama atau aset yang lain pada tempat yang lain sebagai ganti kepada wakaf asal atas alasan-alasan tertentu.

Hukum Wakaf Istibdal

Sebahagian ulama telah membahagikan harta wakaf kepada dua, yang boleh alih dan yang tak alih seperti kereta dan juga rumah atau tanah. Disebut di sini beberapa pendapat berkenaan hukum wakaf istibdal:

- Pendapat kebanyakan ulama mazhab Syafie bahawa

harta alih dan wakaf untuk masjid tidak boleh diistibdalkan.

- Pendapat mazhab Maliki boleh istibdal harta alih dan harta tak alih dilihat kepada situasi dan keperluan semasa.
- Pendapat sebahagian mazhab Hanafi boleh istibdal harta wakaf dan ini telah diterima oleh sebahagian fatwa di Malaysia.

Penulis menukarkan pendapat Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* yang menghuraikan dengan panjang lebar, antara lain katanya: Para fuqaha mengharuskan wakaf istibdal dan menjualnya kerana darurat dan keperluan dengan syarat-syarat yang tertentu (10/7672).

Beberapa Fatwa Berkenaan Wakaf Istibdal

Dengan perkembangan semasa dan keperluan masa kini, kebanyakkan ulama dan badan-badan yang berautoriti telah mengharuskan penggunaan wakaf istibdal. Penulis mengemukakan di sini beberapa fatwa yang telah diputuskan atau pendapat ulama berkenaan wakaf istibdal, antaranya:

Majlis Fatwa Kebangsaan

Pada tahun 1982, Muzakarah Kali Ke-4 di mana para ulama telah menerima hukum istibdal harta wakaf berdasarkan mazhab Hanafi. Antara lain menyebut: Mazhab Hanafi mengklasifikasikan hukum berdasarkan keadaan sama ada istibdal terhadap wakaf itu telah disyaratkan untuk membenarkan istibdal, maka diharuskan

untuk mengistibdalkan harta wakaf tersebut dengan harta yang lain yang mana sama keadaannya dengan tanah asal wakaf dari segi syarat-syaratnya. Sebaliknya, pada situasi yang lain, tidak disyaratkan untuk dibolehkan istibdal harta yang diwakafkan. Menurut mazhab ini, ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu melihat kepada keadaan manfaat yang boleh dicapai seandainya tidak diambil langkah gantian pada harta wakaf. Sekiranya harta yang diwakafkan tidak mendatangkan manfaat, maka boleh diistibdalkan pada harta yang lain dengan kelulusan pihak berwajib, namun jika manfaat wakaf masih terpelihara adalah tidak harus diistibdalkan.

Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan

Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 23 September 2001 telah membincangkan hukum istibdal tanah wakaf Tengku Kaya Pahlawan. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju mengeluarkan fatwa sebagaimana berikut:

- i. Bahawa tanah-tanah wakaf Almarhum Tengku Kaya Pahlawan yang tertulis di dalam surat cara wakafnya itu tidak boleh dijual dan ditukar ganti dengan tanah yang lain kerana dalam surat tersebut telah dijelaskan maksud wakaf beliau dengan lafaz yang jelas.
- ii. Mesyuarat bersetuju supaya Majlis Agama Islam Kelantan mengambil langkah-langkah lain yang tidak bercanggah dengan syarak dalam usaha memajukan tanah-tanah wakaf Tengku Kaya Pahlawan dan tanah-tanah wakaf lain yang seumpamanya.

Fatwa Harus Istibdal Atau Membangun Tanah Wakaf Di Bawah Kawalan Majlis

Jemaah ulama melalui persidangan yang diadakan telah membuat keputusan untuk mengharuskan jual beli atau tukar ganti harta wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas sebab-sebab darurah atau maslahah ammah bagi memelihara maksud dan tujuan wakaf itu sendiri supaya jangan sampai dipersia-siakan.¹ Hukum tersebut dipilih berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Imam Ibn Taimiyah dalam kitab *Majmu' al-Fatawa*, di mana beliau menyandarkan pendapatnya kepada Imam Ahmad dan sebahagian fuqaha mazhab Hanafi.²

Fatwa ini berlawanan dengan pendapat muktamad dalam mazhab Syafie, mazhab Maliki dan pendapat kebanyakan ulama mutaqaddimin dan mutaakhirin, yang mengatakan hukum mengenai harta wakaf, sama ada wakaf am atau khas tidak harus dijual beli atau tukar ganti.³

Selepas meneliti dan membincangkan perbezaan dalil kedua-dua pihak, jemaah ulama akhirnya bersetuju dalam beberapa hal yang boleh memberi manfaat dan maslahah ammah, untuk mentarjhkan dan menerima pakai pendapat yang dikemukakan oleh Imam Ibn Taimiyah dalam membuat rumusan fatwa.⁴

Antara syarat-syarat yang membolehkan istibdal tanah wakaf sebagaimana yang telah dirumuskan oleh jemaah ulama adalah:

- i. Sebab-sebab darurat atau maslahah ammah bagi maksud dan tujuan wakaf itu sendiri supaya jangan sampai dipersia-siakan.
- ii. Harta yang hendak dijadikan tukaran (istibdal) hendak lebih baik dari harta wakaf itu sendiri baik dari segi nilai harta, fungsi dan lain-lain yang berkaitan dengannya.
- iii. Harta wakaf yang hendak diistibdal itu sudah hilang langsung potensinya dan tidak boleh dimajukan lagi.

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada fatwa di atas ialah jemaah ulama melalui perbincangan mereka telah mengambil pendekatan ijтиhad tarjihi dalam mengharuskan istibdal dan memajukan tanah-tanah wakaf dengan mentarjhkan pendapat Imam Ibn Taymiyyah yang juga merupakan pendapat Imam Ahmad dan ulama mazhab Hanafi ke atas pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafie. Pentarjihan ini dibuat berdasarkan neraca maslahah iaitu demi memajukan tanah-tanah wakaf tersebut sekaligus dapat meningkatkan hasilnya untuk digunakan bagi kepentingan umum.

Keperluan Wakaf Istibdal

Mutakhir ini pembangunan harta wakaf semakin rancak seiring dengan kemajuan yang dikenali oleh Malaysia. Jabatan Wakaf dan Baitulmal memainkan peranan dalam memajukan harta wakaf yang sudah pasti mendapat keuntungan serta menjana ekonomi. Antara keperluan wakaf istibdal ialah:


- Supaya Majlis Agama Islam atau Baitulmal tidak menanggung kerugian ekonomi akibat kos seperti cukai dan lain-lain.
- Keadaan yang tidak memungkinkan untuk pembinaan seperti yang dihajatkan oleh pewakaf, contohnya dia mewakafkan tanah untuk dibina surau atau masjid, sedangkan sudah ada masjid yang besar dan surau yang selesa berhampiran dengan tempat tersebut.

Nota akhir:

1. Uthman bin Hj. Ibrahim (ed) (tt), *"Kompilasi Perkara-Perkara Yang Difatwakan Dalam Tahun 1996"*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, hlm. 19.
2. Syeikhul Islam Ahmad bin Taimiyah (1387H), *Majmu' al-Fatawa*, j. 31, t.t.: Matba'ah al-Hukkam, hlm. 252-253; Wahbah al-Zuhayli (1996), op.cit., j.8, hlm. 221.
3. Ibid.
4. Uthman bin Hj. Ibrahim (ed) (tt), *"Kompilasi Perkara-perkara Yang Difatwakan Dalam Tahun 1995"*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, hlm. 31.

WAKAF DAN KEPENTINGANNYA DI SISI UMAT ISLAM

Oleh: Dr. Wan Marhaini Wan Ahmad



Wakaf bukan asing di kalangan umat Islam. Semenjak penyerahan tanah bagi pembinaan Masjid Quba' di Madinah (622M) yang merupakan wakaf pertama yang dilaksanakan semasa zaman Rasulullah SAW, wakaf merupakan salah satu sumber penting pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

Mansur (Baghdad) dan Masjid Damsyik (Syria). Pada zaman Khilafah Abbasiyah (754-1258M) sehingga Khilafah 'Uthmaniyyah (1299-1924M), wakaf berkembang dengan pesat dan berjaya membangunkan banyak sekolah, perpustakaan dan universiti yang melahirkan ramai sarjana Islam terkemuka. Baitul Hikmah adalah antara institusi pendidikan tinggi yang pertama dibayai oleh badan-badan wakaf yang dipelopori oleh Khalifah al-Ma'mun di Baghdad. Antara institusi pendidikan wakaf yang masih ada ialah Universiti al-Azhar, Universiti al-Qarawiyin (Fez) dan Madrasah Nizamiyya (Baghdad). Malah wakaf kekal menjadi sumber kewangan utama kebanyakan madrasah dan pondok pengajian agama di negara-negara Islam. Wakaf juga telah membayai pembangunan dan pengurusan hospital. Antaranya Hospital Kanak-kanak Shishli (Istanbul), Hospital al Noori (Damsyik), Hospital Ibn Tulun (Mesir) dan Waqaf An-Nur Clinic (Malaysia).

Sepanjang peradaban Islam, wakaf telah menjadi sebahagian pemangkin pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Di serata dunia, kita dapat menyaksikan masjid-masjid terkenal yang dibangunkan dengan harta yang diwakafkan seperti Masjid Nabawi (Madinah), Masjid

Wakaf menjadi pilihan umat Islam untuk memenuhi tuntutan kerohanian mereka kerana perwakafan membolehkan mereka mendekatkan diri dengan Allah SWT. Wakaf membolehkan mereka menyerahkan harta kepunyaan mereka kepada Allah SWT secara mutlak. Paling penting, amalan wakaf telah dijanjikan sebagai ibadah yang tidak putus pahala amalannya. Sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW

telah bersabda, *“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.”*

Terdapat dua bentuk wakaf iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am ialah penyerahan harta untuk diwakafkan kepada kebajikan secara umum tanpa menghadkan penggunaan harta wakaf tersebut kepada individu, pihak atau tujuan tertentu. Wakaf sebegini meliputi harta yang diwakafkan untuk tujuan agama, pendidikan, kesihatan atau kebajikan secara umum. Manakala wakaf khas ialah wakaf yang ditujukan secara spesifik kepada pihak atau tujuan tertentu seperti anak cucu dan keturunan pewakaf atau pembangunan masjid, pembinaan sekolah, penaiktarafan hospital, pembiayaan pendidikan dan sebagainya.

Di Malaysia, sebahagian besar dana dan harta wakaf adalah bagi tujuan khas terutamanya untuk pembinaan masjid, surau dan tanah perkuburan. Di negeri Johor contohnya, 1,839 ekar tanah diperuntukkan untuk tanah perkuburan, masjid dan surau. Hanya 59.5 ekar sahaja diperuntukkan kepada wakaf am. Begitu juga di Perak, sejumlah 3,998 ekar diwakafkan untuk tanah perkuburan, masjid dan surau dan hanya 90 ekar diperuntukkan untuk wakaf am. Untuk pendidikan, wakaf di Malaysia kebanyakannya diperuntukkan untuk Sekolah Agama, Madrasah dan Pondok. Terdapat kira-kira 175 institusi pendidikan wakaf di seluruh negara. Wakaf pendidikan ini meliputi pembinaan bangunan sekolah, asrama pelajar, biasiswa, saraan, dan peralatan pembelajaran seperti buku, meja dan lain-lain.

Pada masa kini, terdapat pengaplikasian moden wakaf yang diperkenalkan seperti saham wakaf, wakaf tunai dan wakaf saham. Saham wakaf diwujudkan melalui sumbangan tunai (dikenali sama sebagai wakaf tunai) kepada satu tabung amanah yang dibentuk dan akan digunakan bagi memperolehi harta kekal yang akan diwakafkan. Biasanya, tabung ini akan digunakan untuk pembelian hartanah atau pembinaan bangunan seperti pusat pengajian, hospital dan sebagainya yang akan diwakafkan atau pembangunan tanah wakaf sedia ada.

Saham wakaf membolehkan umat Islam menyumbang dan menyertai ibadah wakaf tanpa batasan kewangan. Ia memastikan wakaf individu yang mempunyai keterbatasan kewangan tidak terhad kepada perwakafan harta alih seperti al-Quran, buku, peralatan masjid dan sebagainya sahaja. Ia juga membolehkan projek wakaf yang memerlukan perbelanjaan yang besar seperti pembinaan sekolah, asrama dan masjid dilaksanakan tanpa menunggu peruntukan kerajaan atau ehsan individu yang berada. Saham wakaf ini juga merujuk kepada dana amanah yang dibentuk untuk membeli saham-saham syarikat perniagaan dan mewakafkannya atau pewakafan saham-saham perniagaan yang telah dimiliki (wakaf bentuk ini juga dikenali sebagai wakaf saham).

Wakaf bukan saja satu mekanisme agihan semula kekayaan untuk memastikan pembangunan sosio-ekonomi dapat dinikmati bersama oleh masyarakat tetapi dapat menjamin pewakaf sebagai sebahagian daripada golongan yang telah dijanjikan oleh Allah SWT sebagai,

“Orang yang menafkahkan harta mereka pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada keimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka pula tidak akan berduka cita.”

(Al-Baqarah, 2: 274)

Rujukan:

1. Mohd Saharudin Shakrani, Jaafar Ahmad dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2003), Tinjauan Awal Isu-Isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia, UKM Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 0303.
2. Ahmad Zaki Abd Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail, “Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia”, Jurnal Pengurusan Jawhar, 2: 2 (2008), 25-61.
3. JAKIM (2009) Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat, 84-5.

“Tanah wakaf di seluruh negara yang berkeluasan hampir 10,000 hektar dengan nilai mencerek RM1.9 bilion dan daripada keseluruhan keluasan tanah wakaf itu, hanya 0.72 peratus sahaja yang dibangunkan”.

- Datuk Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



WAKAF INSTITUTIONS IN MALAYSIA

By: Shariah Department

Wakaf is a recurring charity where the benefits of the charitable act flows to the needy continuously. As part of contribution towards socio-economics of the Ummah, BMMB can play a potential role in bringing the Wakaf concept to a new level, including by giving an opportunity to our customers to give back to society and create a continuous charity for the future community.

This form of charity or Sedekah Jariah, constantly gives benefits to society even after death. The practice of Wakaf is also open to non-Muslims where they can be both benefactors and beneficiaries. Proper management of Wakaf can lead towards successful planning and implementation of Wakaf development for the benefit of Muslims and non-Muslims alike.

This will boost the capacity to directly influence the socio-economic well being of the Malaysian society, via the undertaking of more development of Wakaf projects as well as more productivity resulting from the utilisation of the funds collected under Wakaf.

Skim Wakaf Tunai Malaysia - Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)

- Via Skim Wakaf Tunai Malaysia, on cash collected in one trust fund under the management of nazir (YWM) for the purpose of funding charitable deeds and activities. The funds collected will also transform to perpetual properties that will be used for public needs and welfare.
- Methods of giving fund for Wakaf were done via salary deductions / online / cash deposit machine at recognised Banking Institutions that owned account of YWM.

Cash Wakaf in State Religious Councils

- So far, Malaysia has implemented cash Wakaf in several state religious councils-the organisation that offers the cash Wakaf scheme or the so called Wakaf shares.
- There are six states which offer cash Wakaf schemes with certain minimal amount-Penang Wakaf Fund Scheme offers a minimum Wakaf amount of RM5; Selangor Wakaf Share offers a minimum price of RM10; Pahang Wakaf Shares (RM10); Johor Wakaf Shares (RM10); Terengganu Cash Wakaf Scheme (RM10) and Malacca Wakaf Shares (RM10). The Penang Wakaf Fund can be purchased at the Penang State Religious Council and at all Zakat Management Centers.
- In addition, the Muslim society can also receive the National Cash Wakaf Scheme, which has been offered by the Malaysian Wakaf Foundation at the minimum price of RM10. The availability of cash Wakaf can also be obtained at the Malaysian Islamic Missionary or Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) at the minimum price of RM10.

Maybank Islamic introduces Wakaf to Customers

- Under community-giving programme, Maybank Islamic Berhad launched Wakaf fund, a structured community-giving initiative that allows customers to place deposits as Wakaf contribution. The Bank is the first financial institution in the country to offer such an integrated Wakaf solution to customers. A signing ceremony was held with Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Maybank Islamic's partner for the service and also the trustee in the collaboration.

- With Wakaf, Maybank's institutional and retail customers have the opportunity to participate in a structured community-giving programme as part of their wealth distribution strategy. Wakaf contributions from clients will be professionally managed to create a continuous stream of funds that will be channeled towards development of Wakaf assets and community-giving programmes initiated by YWM.
- The establishment of the strategic cooperation between Maybank Islamic and YWM will help to increase efforts in increasing awareness and participation in Wakaf. Through these efforts, Maybank Islamic and YWM aims to garner larger number of contributors and increase the collection of Wakaf in Malaysia.
- Customers can make their Wakaf contributions through Maybank Group's wide range of payment channels including Automated Teller Machines (ATMs), Maybank2u.com, Auto Debit service as well as over branch counters beginning today. Dato' Seri Ismail said that all transaction fees from the payment channels will be borne by Maybank Islamic as part of its service to their clients.

UKM Wakaf Fund

- A UKM Wakaf (Endowment) Fund was launched on 21 Mei 2010 to help finance its research and academic activities as well as its various students welfare programmes which among others would help some of its needy students meet their expenses. A MOU was signed by UKM and the Selangor Islamic Religious Council (MAIS) followed by the signing of a Letter of Intent between UKM and CIMB that allows for its set up and how the public can contribute to it.
- MAIS as the trustee of Wakaf property and funds in Selangor has set up a UKM Wakaf fund enabling any member of the public to directly contribute to it. The agreement with CIMB is to appoint it as the collection agent for the UKM Wakaf to facilitate contribution by internet banking with CIMB click. This enables anyone to contribute at any time, 24 hours a day, through CIMB click. CIMB will also sponsor and promote the UKM Wakaf fund in its Islamic Banks.
- The returns from the Wakaf Fund will be utilised for education, student welfare, the student development fund, research and academic development fund and UKM Industry and community network fund.
- It is hoped that the UKM Wakaf Fund will develop UKM to be like the renowned al-Azhar University in

Cairo which depended on its Wakaf fund for centuries. UKM also mentioned that Harvard University have 11,000 endowment funds amounting to AS\$16 Billion.

- Apart from cash contribution, the public can also contribute by salary deductions through e-Wakaf UKM, CIMB Clicks, BIMB, Giro BSN, Maybank Islamic, and AmlIslamic.

Klinik Wakaf An-Nur

- Inspired by the spirit of Wakaf, KPJ Healthcare Berhad (KPJ), a group of hospitals and specialist medical centres in Malaysia and Indonesia, felt compelled to establish a network of charity clinics to make healthcare accessible to all Malaysians, irrespective of race or religion.
- The first Klinik Wakaf An-Nur (KWAN) was set up in 1998 in Kotaraya, where patients earning less than RM800 a month are charged only RM5 for treatment and medication. This was followed by the opening of eight other KWAN clinics and dialysis centres nationwide.
- In 2006, the clinic in Pasir Gudang was upgraded into a 30-bed hospital, after seven years of operation, due to its high volume of patients. At the KWAN clinics, patients are treated by doctors and paramedics from KPJ hospitals who volunteer their services. The KPJ network includes the KPJ Ipoh Specialist Hospital, KPJ Johor Specialist Hospital, KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital, KPJ Damansara Specialist Hospital, Tawakal Hospital and Sentosa Medical Centre.
- Since their inception, KWAN clinics have treated more than 520,000 patients and, equipped with 52 dialysis machines, have provided life-saving treatment to more than 150 kidney patients. KPJ, which forms the healthcare arm of Johor Corporation (JCorp), is committed to further expanding its KWAN network by developing more clinics and upgrading existing ones. At present, two clinics are being built in Bukit Indah, Ampang; and Bandar Baru Semarian, Kuching while there are plans to open more clinics in Manjoi, Ipoh; Kampung Baru, Kuala Lumpur; Kajang, Selangor; as well as in Rembau, Negeri Sembilan.



OXFORD SOKONG WAKAF KORPORAT

Oleh: Tan Sri Ali Hashim

Wakaf Korporat semakin mendapat perhatian masyarakat. Baru-baru ini Pengerusi Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Tun Musa Hitam mengumumkan satu Persidangan WIEF akan diadakan di Johor Bahru pada Disember, 2012. Beliau menyatakan Persidangan tersebut akan turut memberi tumpuan kepada wakaf sebagai institusi yang boleh meningkatkan ekonomi umat Islam selain daripada perbankan dan kewangan Islam yang telah diterima pakai di seluruh dunia, terutama atas inisiatif Malaysia.

Bangsa Melayu dan umat Islam selama ini menyedari pentingnya wakaf sebagai satu amal ibadah yang turut membawa impak besar, terutama dalam membela nasib golongan miskin. Menerusi wakaf orang yang berada dan berharta dapat meningkatkan amal ibadah dengan mengorbankan sebahagian harta kekayaan untuk disumbang kepada kebajikan golongan yang memerlukan. Amalan berwakaf mendapat sambutan di kalangan masyarakat, antara lain untuk menepati hadis Rasulullah SAW yang menyatakan setelah mati anak Adam, tidak ada yang boleh menolongnya melainkan tiga perkara: iaitu, ilmu yang dimanfaatkan, doa anak yang soleh dan sedekah jariah yang membawa manfaat berterusan, termasuk wakaf.

Kini masyarakat diperkenalkan pula kepada institusi Wakaf Korporat, iaitu satu inovasi besar kepada wakaf bertujuan memperbaharui peranan bisnes dan organisasi korporat.

Matlamat akhir Wakaf Korporat, selain membolehkan badan korporat berjaya menghimpun harta kekayaan mengikut kaedah bisnes sama seperti badan korporat lain, Wakaf Korporat yang dimiliki umat Islam juga dapat digunakan untuk merapatkan jurang kaya-miskin yang semakin melebar, bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia. Jurang ekonomi dan sosial adalah antara punca utama berlakunya konflik di dunia hari ini, khasnya di kalangan umat dan negara Islam.

Wakaf Korporat juga satu kaedah membasmi kelemahan sistem ekonomi kapitalis Barat yang mengakibatkan ketidakadilan melampau dalam agihan harta kekayaan dan sumber ekonomi. Selain itu, Wakaf Korporat berkewajipan menjayakan program fi sabillillah dan program kebajikan. Pengalaman Wakaf Korporat di Malaysia membuktikan Wakaf Korporat berupaya melakukan semua itu, bukan

sahaja untuk manfaat umat Islam, malah untuk semua warga negara pelbagai bangsa dan agama.

Contoh terbaik Wakaf Korporat di Malaysia ialah Waqaf An Nur Corporation Bhd (WANCorp) yang ditubuhkan oleh Johor Corporation (JCorp). Pada Ogos, 2006 JCorp mewakafkan sebahagian saham PLC miliknya bernilai RM200 juta kepada WANCorp. Pada akhir 2011, nilai keseluruhan aset wakaf milik WANCorp meningkat kepada RM538.5 juta. Bayangkan jika terdapat sepuluh organisasi Waqaf Korporat seumpama WANCorp di seluruh negara - saya yakin masalah kemerosotan dan kelemahan ekonomi Melayu, serta masalah ketidakadilan sosial, insya Allah, dapat kita atasi bersama!.

WANCorp juga sangat aktif mengendalikan program amal kebajikan. Rangkaian Klinik Waqaf An Nur terkenal dengan program kebajikan yang hanya mengenakan bayaran RM5 memberi khidmat doktor serta ubat-ubatan. Seramai lebih 800,000 pesakit telah mendapat manfaat daripada program anjuran wakaf daripada rangkaian 17 klinik di seluruh negara sejauh ini. Paling menarik perhatian, sekalipun klinik wakaf ini ditempatkan di masjid-masjid, lebih 50,000 pesakit miskin bukan Muslim turut mengunjunginya untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Antara projek kebajikan lain yang membawa impak besar ialah Wakaf Dana Niaga untuk membantu masyarakat berpendapatan rendah mendapat peluang niaga kecil-kecilan dengan pinjaman modal tanpa faedah qardul hasan. Sejauh ini ramai usahawan baharu telah dilahirkan, termasuk suri rumah dan ibu tunggal, sekali gus mengurangkan masalah sosial dan tekanan hidup masyarakat, khasnya di bandar-bandar. Pengalaman WANCorp dan manfaat yang dibawanya jelas membuktikan kehebatan Wakaf Korporat dan potensi jangka panjangnya dalam pembangunan ekonomi negara, khasnya dalam meningkatkan tahap pencapaian ekonomi bangsa Melayu dan merapatkan jurang ekonomi antara kaum.

Kini kehebatan WANCorp dan potensi besar konsep Wakaf Korporat turut mendapat perhatian dan pengiktirafan antarabangsa, khasnya Universiti Oxford di Britain. Dalam satu kajian melalui Said Business School yang diterbitkan pada Disember 2010, Universiti Oxford mengiktiraf Malaysia sebagai antara negara Islam terulung dalam memperkenal pembaharuan institusi ekonomi Islam, khasnya dalam bidang kewangan dan perbankan Islam. Universiti Oxford berpendapat, kini Malaysia sekali lagi mendahului dengan inisiatif terbaru, melalui usaha gigihnya memperkenalkan institusi Wakaf Korporat.

Dalam penerbitan bertajuk "Satu kajian ke atas Strategi Wakaf Korporat Johor Corporation di Malaysia" (A Study on Johor Corporation's Corporate Waqf Strategy in Malaysia") Universiti Oxford dengan tegas menyatakan: "... Malaysia telah membuktikan ia adalah pengibar bendera dalam kewangan Islam dan pembangunan serta perundungan

model bisnes Islam... Didapati Wakaf Korporat adalah satu kaedah inovasi memodenkan dan menggunakan konsep wakaf tradisional untuk mencapai matlamat bisnes dan korporat." Kajian ini menambah: "... kajian kes (Wakaf Korporat) JCorp mendapati Jihad Bisnes, Wakaf Korporat dan (pembangunan usahawan) intrapreneur sangat berkesan dan jauh melebihi apa yang mungkin boleh dicapai dengan menggunakan kaedah pembangunan ekonomi konvensional dan pendekatan biasa pacuan dasar (known policy-driven methods)."

Universiti Oxford bukan sahaja mengiktiraf keberkesanan Wakaf Korporat dalam mengembangkan keupayaan bisnes umat Islam malah setelah mengkaji program fi sabilillah dan kebajikan WANCorp, Universiti ini berpendapat Wakaf Korporat juga sangat berkesan dalam menyampaikan manfaat kepada masyarakat yang memerlukan pembelaan menerusi program tanggungjawab sosial korporat. Kajian Universiti Oxford menyimpulkan: "... apabila dibandingkan dengan seluruh amalan industri di Malaysia, didapati (Wakaf Korporat) berprestasi lebih baik dalam membawa impak daripada aktiviti yang dijayakan oleh badan korporat yang setaraf dengannya, khasnya berkaitan tanggungjawab sosial dan derma-kebajikan korporat (corporate philanthropy)."

Kesimpulannya, tiba masanya Wakaf Korporat dijadikan institusi utama dalam strategi pembangunan ekonomi Malaysia dan semua negara Islam. Pembaharuan strategi ini sangat kritikal dalam usaha negara Islam memperbaiki kehidupan masyarakat masing-masing. Tanpa pembaharuan kita akan terus menjadi negara yang dihantui ketidakadilan dan kezaliman ekonomi. Kita juga mudah dijangkiti kerosakan sosial dan konflik politik akibat menciplak Kapitalisma Barat seperti yang nyata kelihatan berlaku di Barat setelah dirosakkan sistem kapitalis liar, buas dan rakus.

Sokongan dan pengiktirafan Universiti Oxford terhadap pembaharuan institusi wakaf menerusi Wakaf Korporat memberi umat Islam Malaysia satu peluang luar biasa. Menerusi Wakaf Korporat kita dapat menambah kepada impak yang telah dibawa oleh kewangan dan perbankan Islam untuk menegakkan keadilan dan mengislamkan kehidupan ekonomi umat. Kejayaan Wakaf Korporat akan sekali lagi membuktikan sesungguhnya Malaysia mampu meneruskan inovasi ekonomi Islam untuk manfaat dan kebaikan umat Islam khasnya dan seluruh umat manusia amnya.

Tan Sri Muhammad Ali Hashim
Presiden,
Dewan Perdagangan Islam Malaysia
Kuala Lumpur, 17 Jun, 2012

WAKAF TUNAI: **HUKUM & KONSEP ASAS**

Oleh: Unit Penyelidikan Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad

Isu

Isu berkenaan hukum dan konsep asas wakaf tunai.

Latar Belakang Isu

Pada Mesyuarat Kali Ke-5 Jawatankuasa Syariah 2012 yang bertarikh 24 Mei 2012, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Produk (JPPP) telah membentangkan kepada Jawatankuasa Syariah BMMB mengenai cadangan pihak Bank untuk melaksanakan perkhidmatan Wakaf Tunai.

Konsep Syariah Yang Digunakan

Definisi Wakaf

Perkataan wakaf merupakan satu istilah yang berasal dari bahasa Arab. Menurut Al-Mu'jam Al-Wasit, wakaf mempunyai beberapa maksud antaranya ialah menahan, berdiri, berhenti dan menegar. Manakala menurut syara', wakaf ialah menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya dengan cara menyerahkan hak miliknya kepada seorang pengguna yang harus dan wujud.

Wakaf merupakan suatu amalan yang telah disyariatkan, bahkan ia adalah salah satu cara mendekatkan diri dengan Allah SWT. Antara dalil wahyu yang menjadi asas sandaran kepada pensyariatan amalan berwakaf ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Mengetahuinya."

(Surah Aali 'Imran: 92)

Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari didalam kitab Sahihnya, seorang sahabat Nabi SAW, Abu Talhah RA, sejurus mendengar ayat ini, beliau pun bercadang untuk mewakafkan hartanya, lalu beliau datang menemui Nabi SAW. Kemudian Nabi SAW pun memujikkan tindakannya, namun Baginda menggalakkan Abu Talhah supaya menyedekahkan hartanya itu kepada kaum keluarganya yang lebih memerlukan.

Putera kepada 'Umar Al-Khattab, 'Abdullah bin 'Umar RA telah meriwayatkan bagaimana pengiktirafan Nabi SAW tentang tindakan ayahandanya melakukan wakaf yang pertama berlaku dalam sejarah Islam:

"Umar bin Al-Khattab RA telah menerima sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau menemui Nabi SAW dan bertanya apa yang sepatutnya dilakukan dengan harta itu. Beliau bertanya: *"Wahai Rasulullah, aku telah menerima sebidang tanah di Khaibar, dan aku tidak pernah menerima harta yang lebih berharga daripada itu. Apakah yang perlu aku lakukan dengannya?"* Baginda bersabda: *"Sekiranya muah, kamu wakaflah ia dan sedekahkan hasilnya."* Ibnu Umar RA lalu berkata lagi: Lalu Umar sedekahkan tanah ini sambil berkata: *"Tanah ini sama sekali tidak akan dijual atau dihibahkan atau diwariskan. Hasilnya akan disedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, pembebasan hamba-hamba, orang yang berada di jalan Allah, Ibnu Sabil dan para tetamu. Tidak salah bagi penjaga tanah tersebut memakan hasilnya atau memberi makan orang lain tanpa menyimpan harta."*

(Hadith Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Pandangan dan Perbahasan Para Ulama Tentang Konsep Wakaf Tunai

Konsep wakaf secara umumnya merupakan sebuah proses dimana sesuatu harta itu dibekukan dan dipisahkan daripada kuasa pemilikan pewakaf. Manfaat harta tadi pula kemudiannya didedikasikan bagi tujuan kebajikan.

Konsep wakaf tunai pula merujuk kepada pembekuan sejumlah wang secara kekal dan manfaatnya didedikasikan untuk kebajikan orang ramai. Namun istilah ini boleh juga digunakan untuk merangkumi kecairan atau tunai dalam bentuk lain seperti saham syarikat.

Pembekuan disini merujuk kepada usaha untuk mengekalkan jumlah tunai tersebut dan pada masa yang sama pihak pengurus harta wakaf perlu berusaha untuk mengembangkannya bagi memastikan manfaat harta tadi dapat dinikmati secara berterusan oleh orang ramai secara lebih menyeluruh. Hal ini kerana manfaat wakaf tidak akan berhasil secara sendiri melainkan melalui usaha pelaburan. Ia juga dapat memastikan risiko penurunan nilai sebenar dana wakaf akibat masalah inflasi atau turun naik prestasi ekonomi dapat dikurang.

Jika harta tetap (*iqaar*) seperti tanah atau bangunan boleh dibuktikan status kekalnya secara semulajadi atau melalui status perundungan seperti bukti geran, namun bagi wakaf tunai, elemen kekal yang perlu ada padanya dapat direalisasikan melalui penukaran tunai tersebut kepada harta kekal yang mampu untuk diwakafkan.

Secara asasnya, wakaf perlu dibuat daripada harta tak alih (*immovable*) seperti membabitkan tanah dan bangunan demi memelihara prinsip utama perwakafan, iaitu syarat kekal (*ta'bid, perpetuity*). Wakaf daripada harta tak alih dibawah kategori kekal ini telah dipersetujui keharusannya oleh kesemua sarjana perundungan Islam. Keputusan ini adalah didasarkan kepada perbuatan Rasulullah SAW dan para sahabatnya yang menjadikan harta kekal ini sebagai *mawquf* (objek yang diwakafkan) mereka. Tambahan pula, terdapat kenyataan yang menyatakan bahawa pada zaman Rasulullah SAW tidak ada harta yang diwakafkan kecuali daripada tanah dan bangunan. Berhubung perwakafan daripada harta alih (*movable*) pula, secara asasnya, perwakafannya adalah tidak sah berdasarkan kepada keperluan syarat kekal yang menjadi kehendak utama dalam sesuatu perwakafan. Adalah sukar untuk mempastikan harta alih ini kekal abadi hingga ke akhirnya memandangkan ianya terdedah kepada kerosakan dan perubahan.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang membolehkan perwakafan daripada harta alih ini. Imam Syafie sendiri berpandangan bahawa setiap harta yang boleh dijual-beli boleh juga diwakafkan selagi mana manfaat yang dinikmati oleh benefisiarinya dapat diperolehi secara kekal. Justeru itu, perwakafan yang

dibuat daripada harta alih dimana manfaatnya diperolehi dengan memusnahkan fizikal harta berkenaan seperti makanan dan minuman, adalah tidak sah. Ini kerana fizikal harta daripada kategori ini tidak dapat dikekalkan dalam bentuknya yang asal, malah ia perlu dimusnahkan terlebih dahulu menerusi penggunaannya sendiri seperti makanan yang dimakan dan minuman yang diminum. Pandangan ini turut dipelopori oleh mazhab-mazhab lain seperti Hanbali dan Maliki.

Berikut dengan pandangan di atas, Ibn Qudamah al-Maqdisi menyamakan ketidakbenaran kategori harta alih tersebut dengan perwakafan yang dibuat kepada lilin yang digunakan untuk mendapatkan cahaya namun ianya akan habis bila digunakan. Bagi mazhab Hanafi pula, hanya harta alih yang melekat kepada harta tak alih secara kekal sahaja yang boleh diwakafkan kerana ia akan turut sama menyumbang kepada tujuan yang diwakafkan. Dalam hal ini, Abu Yusuf berpendapat bahawa mewakafkan harta alih secara sendiri tidak sah, kecuali jika membabitkan kuda dan peralatan perang memandangkan sabitnya dalil perwakafan ini seperti yang dikemukakan oleh beberapa hadith Rasulullah SAW sendiri. Imam Muhammad al-Shaybani serta Ibn Qudamah juga bersetuju mengenainya. Walau bagaimanapun, Imam Muhammad al-Shaybani berpandangan bahawa untuk membenarkan perwakafan sesuatu harta alih, uruf masyarakat setempat perlulah dilihat terlebih dahulu. Justeru, bagi beliau, mewakafkan kapak, penyodok termasuk dinar dan dirham, kain kapan dan periuk kawah dan lain-lain peralatan yang sememangnya telah dijadikan subjek bermuamalah adalah dibolehkan. Malah, pendirian ini ada kaitannya dengan satu hadis yang bermaksud:

"Apa yang dilihat baik oleh kaum Muslimin, adalah juga baik pada pandangan Allah SWT, dan apa yang dilihat buruk oleh kaum Muslimin, juga buruk pada pandangan Allah SWT."

(Riwayat Ahmad)

Secara umumnya, perwakafan wang adalah dibolehkan mengikut apa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan juga pandangan para sarjana perundungan Islam dengan mengikut syarat-syarat tertentu. Para ulama telah terbahagi kepada tiga pendapat dalam perkara ini:

Pandangan pertama, wakaf tunai adalah **tidak dibenarkan** secara mutlak.

Ia merupakan pandangan daripada sebahagian Ulama Hanafiyyah, sebahagian Ulama Malikiyyah, pandangan yang muktamad dalam Mazhab Syafi'e dan Hanbali. Mereka berhujahkan bahawa sifat wang itu sendiri yang tidak boleh digunakan melainkan dengan menukar atau melepaskannya kepada pemilik yang lain, sedangkan takrif wakaf sendiri ialah menahan sesuatu zat asal (*ain*). Oleh kerana itu juga mereka tidak membenarkan untuk diwakafkan barang makanan, sebagaimana yang disebut

oleh Ibnu Qudamah al-Maqdisi di dalam Al-Mughni yang bermaksud:

"Sesuatu yang tidak mungkin untuk dimanfaatkan dengan dikekalkan zatnya seperti wang dinar, dirham, makanan, minuman, lilin dan seumpamanya, adalah tidak sah untuk diwakafkan. Ianya merupakan pandangan sebahagian besar para sarjana perundangan Islam, kecuali apa yang diperkatakan dari Imam Malik dan al-Awza'ie berkaitan wakaf makanan, di mana ianya dibenarkan. Namun para sahabat Imam Malik tidak berpandangan sedemikian kerana wakaf itu sifatnya menahan yang asal dan mengalirkan hasilnya. Maka, sesuatu yang bersifat seperti makanan adalah tidak sah untuk diwakafkan. Disebutkan juga bahawa dirham dan dinar adalah sah untuk diwakafkan, bagi golongan yang membenarkan sewaan ke atasnya, dan hakikatnya ia adalah tidak sah kerana manfaatnya bukan maksud sebenar penetapan nilai harga pada wang tersebut. Ia juga kerana terdedah kepada kehilangan dan kecurian. Maka, adalah tidak dibenarkan untuk berwakaf dengannya."

Pandangan kedua, wakaf tunai adalah **makruh**. Ia merupakan pandangan lain daripada Ulama Malikiyyah, sepetimana yang disebutkan oleh al-Hattab di dalam Mawaahib al-Jalil:

"Sesungguhnya perbuatan mewakafkan dinar dan dirham serta sesuatu yang tidak dapat dikenal pasti sekiranya hilang, merupakan suatu perkara yang makruh."

Pandangan ketiga, wakaf tunai adalah **dibenarkan**. Ia merupakan pandangan umum Ulama Hanafiyyah, salah satu pandangan Ulama Syafi'iyyah dan Hanabilah, juga merupakan pandangan yang dipegang oleh Ibnu Taimiyah, Ibnu Syihab az-Zuhri dan Abu Su'ud di dalam karyanya, *Risalah Fi Hukmi Jawaazi Waqfi an-Nuqood*. Disebutkan oleh Imam Ash-Shiraazi di dalam Al-Muhazzab dan Ibnu Taimiyah di dalam *Majmu' Fatawa*:

"Para Ulama Syafi'iyyah telah berbeza pandangan berkaitan dirham dan dinar. Sebahagian mereka yang membenarkan disewakkannya, maka mereka turut membenarkan diwakafkan keduanya."

"Secara zahir, dibenarkan untuk diwakafkan harga (wang tunai) bagi tujuan Qard Hasan atau pembangunan dan pelaburan."

Imam al-Mardaawi di dalam Al-Insaf turut menukilkan seperti berikut:

"Dan berkenaan dengan perkara tersebut, adalah dibenarkan mewakafkan dirham agar boleh dimanfaatkannya bagi tujuan Qardh Hasan dan seumpamanya. Ini merupakan pandangan yang dipilih oleh guru kami, Shaykh Taqiyuddin rahimahullah."

Menurut Ibn 'Abidin, mewakafkan wang ataupun duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuknya yang asal tetapi pengekalan ini masih boleh direalisasikan dengan menuarkannya kepada bentuk yang lain (atau harta lain yang bersifat kekal). Dalam masa yang sama, beliau berpandangan bahawa sahnya ia hanya terhenti kepada uruf masyarakat setempat, di mana pandangan ini ternyata sama dengan pendirian Muhammad al-Shaybani. Beliau menambah bahawa, jika amalan masyarakat itu jarang-jarang sekali berlaku, maka ini tidak dianggap sebagai adat kebiasaan masyarakat memandangkan penggunaan perkataan *ta'amul* (dealing) itu sendiri menunjukkan pemakaianya yang kerap berlaku.

Pernah diriwayatkan oleh Muhammad, iaitu anak lelaki kepada 'Abdullah al-Ansari, yang merupakan sahabat kepada Imam Zufar, di mana beliau berpandangan bahawa wang (dirham) boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (diwakafkan). Lebih daripada itu, pandangan ini menegaskan barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang, sah untuk diwakafkan dengan syarat ianya akan dijual dan wang yang diperolehi daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.

Melalui bentuk-bentuk pelaburan tersebut, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan dapat melahirkan lebih banyak harta-harta wakaf yang baru dalam bentuk harta kekal. Implikasi daripada konsep ini sebenarnya, mampu menambah satu lagi keperluan baru dalam syarat harta alih yang boleh diwakafkan, iaitu sesuatu aset yang hendak diwakafkan hendaklah terdiri daripada harta yang dapat memberikan manfaat yang berpanjangan.

Berasaskan kepada perbincangan para sarjana perundangan Islam berhubung dengan harta-harta yang boleh diwakafkan, dapat disimpulkan bahawa semua kategori harta boleh dijadikan subjek perwakafan, asalkan ia dapat memberi manfaat yang berkekalan kepada benefisiarinya ataupun harta-harta berkenaan boleh digunakan secara kekal dalam merealisasikan tujuan-tujuan kebajikan yang disalurkan.

Perlu dinyatakan di sini bahawa harta-harta ini mestilah terdiri daripada jenis yang tidak mudah rosak ataupun habis bila digunakan. Justeru, mewakafkan harta-harta seperti makanan, lilin ataupun apa-apa jenis harta yang seumpamanya adalah tidak sah. Apa yang lebih penting lagi adalah harta yang diwakafkan mestilah menepati ciri-ciri harta yang telah digariskan oleh syarak. Selain daripada itu, ia mestilah sesuatu yang bernilai atau halal dan tidak boleh dilakukan daripada harta-harta yang diharamkan oleh syarak seperti arak, khinzir dan lain-lain lagi, bukan daripada milik orang lain dan boleh dimanfaatkan.

Pada zaman sekarang, wang boleh diwakafkan, apakah lagi ia merupakan suatu medium pertukaran (*medium of exchange*) yang digunakan di negara ini. Malah, perwakafan daripada kategori ini sudahpun biasa di negara-negara Islam yang lain termasuk di negara Eropah sendiri. Nilainya dapat dipertingkatkan dengan menambah jumlah tabungan di dalamnya dari semasa ke semasa. Perwakafan dalam bentuk wang dan dana ini telah diiktiraf secara perundangan (diterimakan dan disahkan di Mahkamah) oleh Kerajaan Uthmaniyyah Turki dan telah menjadi bentuk wakaf yang dominan di seluruh Anatolia dan Balkan yang berlaku di sekitar abad ke-15 M dan 16 M.

Dikatakan juga, di daerah dan wilayah lain di negara-negara Arab pada ketika itu, amalan seumpama ini tidak dibenarkan berdasarkan sifat kontroversi perwakafan daripada kategori harta alih ini yang didapati mengganggu-gugat elemen kekal sesuatu perwakafan. Namun, kini ianya telah diterimakan di kebanyakan negara seperti India, Pakistan, Iraq, Syria, Turki Mesir dan lain-lain lagi termasuklah Brunei, Singapura dan Malaysia. Mesir telah memasukkan peruntukan berkaitan dengannya ke dalam Perkara 8, *Qanun bi Ahkam al-Waqf* yang memperuntukkan tentang perwakafan harta alih dan tak alih. Lebih daripada itu, penggunaan aset dalam bentuk liquid (iaitu sejenis harta alih yang tiada amalan mengikat) sebagai wakaf sebenarnya telah menjadi suatu fenomena biasa semasa Kerajaan Uthmaniyyah memandangkan kepentingannya. Justeru, perwakafan wang sebagai subjek perwakafan adalah dibolehkan. Walaubagaimanapun, wang yang diwakafkan ini, seperti juga keuntungan daripada pelaburan-pelaburan yang dimasuki boleh digunakan atau ditukar kepada harta-harta tak alih, khususnya melalui pembelian.

Ibn 'Abidin sendiri pernah membincangkan tentang perwakafan daripada jenis wang di mana menurutnya, walaupun fizikal harta ini tidak boleh dikekalkan, tetapi prinsip pengekalannya boleh direalisasikan melalui pertukarannya dengan harta lain yang bersifat kekal. Perwakafan melalui wang ini boleh juga dibuat secara gabungan dengan membabitkan individu-individu tertentu yang secara sukarela memberi sumbangan ikhlas mereka. Sumbangan yang dibuat secara kolektif ini dapat memberi peluang kepada golongan masyarakat yang berpendapatan sederhana ataupun rendah untuk sama-sama membabitkan diri dalam ibadat perwakafan ini. Ianya termasuk dalam kategori wakaf musytarak yang melibatkan penyatuan harta-harta yang diwakafkan oleh sekelompok masyarakat kepada tujuan-tujuan kebijakan yang diiktiraf oleh syarak. Perkara berkaitan dengan perwakafan harta alih adalah sangat relevan dengan zaman sekarang apakah lagi apabila harta tak alih khususnya tanah telah menjadi aset yang berkurangan. Perwakafan daripada harta dari kategori harta alih ini turut dibincangkan oleh ahli perundangan Islam dahulu, termasuk pemakaiannya di zaman Rasulullah dan para sahabat.

Sebagai tambahan, Akademi Fiqh Islam OIC (*Majma' al-Fiqh al-Islami*) pada persidangannya yang ke-5 di Muscat, Oman, pada 6-11 Mac 2004, telah mengeluarkan resolusinya yang bernombor 140 bersabit dengan keharusan wakaf tunai:

1. *Wakaf tunai adalah dibenarkan dalam syarak, kerana wujud padanya objektif syarak pada pensyariatan wakaf ialah, menahan asal dan mengalirkannya manfaat yang terhasil daripadanya.*
2. *Dibenarkan mewakafkan tunai bagi tujuan Qardh Hasan, dan juga dilaburkan samada melalui pelaburan secara langsung, atau perkongsian bersama antara pelbagai pewakaf dalam satu portfolio, atau melalui kaedah penerbitan saham wakaf, sebagai galakan untuk aktiviti wakaf dan merealisasikan perkongsian bersama tersebut.*
3. *Sekiranya pengurus (nazir) asset tunai wakaf tersebut melaburkannya untuk membeli asset tetap atau Istisna', maka zat asset tersebut tidak dianggap sebagai asset wakaf, bahkan dibenarkan untuk dijual semula asset tersebut bagi tujuan kelangsungan pelaburan. Jadi, wakaf tersebut masih kekal nilainya sebagaimana asal."*

Di dalam persidangan yang sama, turut dikeluarkan resolusi berkaitan kriteria pelaburan wakaf tunai, antaranya:

"Pelaburan asset wakaf perlu mengambil kira syarat-syarat berikut:-

1. *Pelaburan haruslah pada sektor-sektor yang dibenarkan syarak.*
2. *Memilih kaedah pelaburan yang paling selamat, dan mengelakkan daripada pelaburan yang berisiko tinggi, sebagaimana yang berlaku dalam kebiasaan aktiviti bisnes dan pelaburan.*
3. *Pelaburan mestilah pada sektor yang dibenarkan syarak, dan juga sesuai dengan jenis dan sifat asset wakaf tersebut, demi untuk mencapai maslahat wakaf, menjaga nilai asal asset wakaf, dan juga kemaslahatan penerima manfaat wakaf. Hal ini adalah sekiranya asset tersebut merupakan asset nyata (property), maka pelaburannya mestilah tidak membawa kepada hilang atau berkurangnya pemilikan terhadap asset tersebut. Manakala jika asset wakaf adalah wang tunai, maka dibenarkan untuk dilaburkan ia pada semua kaedah pelaburan yang dibenarkan syarak seperti Mudharabah, Murabahah, Istisna' dan seumpamanya."*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Begitu juga bagi wakaf Ibdal, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-

14 April 1982 telah memutuskan bahawa Wakaf Gantian (*waqf ibdal*) ialah bermaksud menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pandangan yang paling kuat ialah pandangan yang membenarkan wakaf tunai. Ianya bersesuaian dan bertepatan dengan objektif syarak atau Maqasid Syariah iaitu mewujudkan perasaan saling membantu dan keseimbangan di kalangan masyarakat, disamping memberikan ruang penyelesaian kepada pelbagai kesulitan dari pelbagai aspek, kemasyarakatan, ekonomi, pendidikan, mahupun kesihatan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu 'Asyur di dalam kitabnya, Maqasid ash-Shari'ah al-Islamiyyah:

"Kontrak-kontrak kebajikan (tabarru') tertegak atas prinsip simpati dan saling membantu antara sesama anggota masyarakat, disamping mengukuhkan ikatan persaudaraan (ukhuwwah) yang berfungsi dalam mencapai keperluan maslahah yang tertinggi merangkumi keindahan akhlak islami. Maka dengannya juga, akan terhasil sikap saling membantu golongan yang serba kekurangan, menyediakan kecukupan untuk golongan miskin dan merealisasikan begitu banyak manfaat dan kemaslahatan kepada umat Islam."

Rujukan

1. Al-Qur'an Al-Karim.
2. Al-Mu'jam Al-Wasit.
3. Az-Zuhaily, Wahbah Mustafa, Al-Fiqh Al-Islamiy wa Adillatuhu, Darul Fikr, Cet. 4, 2007.
4. Ibnu 'Asyur, Muhammad At-Tahir, Maqasid Ash-Shari'ah Al-Islamiyyah, Darussalam, Egypt, Cet. 4, 2009.
5. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah BMMB kali ketiga belas 2007.
6. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah BMMB kali kelima 2012.
7. Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Syariah BMMB kali pertama 2008.
8. Al-Haddad, Ahmad bin Abdul Aziz, Waqf an-Nuqood wa Istithmaaruha, Dubai.
9. Abu Layl, Mahmoud Ahmad, Waqf an-Nuqood fi al-Fiqh al-Islamiy, Majallah ash-Sharee'ah wa al-Qanoon, University of UAE, 1999.
10. 'Awjan, Waleed Huwaymil, Waqf an-Nuqood wa Siyaagh al-Istithmaar Feeh, Arab University of Amman, Jordan.
11. Ash-Shamaaly, Abdullah bin Musleh, Waqf an-Nuqood: Hukmuhu, Taareekhuhu wa Aghraaduhu, Ahammiyyatuhu al-Mu'asirah, Istithmaaruha, University of Ummul Quraa, Mecca.
12. Muhammad Leeba & Muhammad Ibrahim Naqaashi, Nizham Waqf an-Nuqood, IIUM, 2009.
13. Mohammad Tahir Sabit Haji Mohammad, Towards an Islamic Social (Waqf) Bank, International Journal of Trade, Economics and Finance, Vol. 2, No. 5, October 2011.
14. Muhammad Hisyam Mohamad, Wakaf Tunai dan Potensinya kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Ummah di Malaysia, The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, Vol. 6, USIM, 2009.
15. Mohamad Akram Laldin, Fundamentals and Practices in Islamic Finance, ISRA, KL, 2008.
16. Essential Readings in Contemporary Waqf Issues, CERT, Kuala Lumpur, 2011.
17. Mohd Bakri Ibrahim, Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Waqaf Malaysia, Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 2 No. 1, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2008.
18. Abdul Azim Islahi, Cash Waqf: Is It A Usurious Piety?, Islamic Economics Research Center, University of King Abdul Aziz, Jeddah, 2006.
19. Achmad Tohirin, The Cash Waqf For Empowering The Small Business, 7th International Conference – The Tawhidi Epistemology, Zakat and Waqf Economy, Bangi, 2010.
20. Ahcene Lahsasna, The Role of Cash Waqf in Financing Micro and Medium Sized Enterprises, 7th International Conference – The Tawhidi Epistemology, Zakat and Waqf Economy, Bangi, 2010.
21. Ahmad Affandi & Diah Nurhayati Nufus, Analysis on Cash Waqf Return Fund Allocation in Indonesia: A Case Study in Indonesian Waqf Deposit, 7th International Conference – The Tawhidi Epistemology, Zakat and Waqf Economy, Bangi, 2010.
22. Afizar Amir, Tajul Arifin Masron & Haslindar Ibrahim, Cash Waqf: An Innovative Instrument for Economic Development.
23. Ibn Ashur, Treatise on Maqasid Al-Shari'ah, The International Institute of Islamic Thought, Herndon, USA, 2006.

Musibah Lenyap, Doapun Hilang

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan apabila manusia ditimpakemudarat dia berdoa kepada Kami dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hilangkan mudarat itu daripadanya, dia (kembali) melalui (jalannya yang sesat), seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada Kami untuk (menghilangkan) mudarat yang telah menimpanya. Begitulah orang-orang yang melampaui batas itu memandang baik apa yang selalu mereka kerjakan."

(Surah Yunus, 10:12)

Pengajaran Ayat:

- Apabila dilanda musibah, apakah reaksi kita? Kecewa, bimbang, merasa lemah atau adakah ia sekadar ujian?
- Akibatnya, kita mula mencari Allah SWT, kita mula mengadu kepada Allah SWT dan kita mula tersentap!
- Malangnya apabila Allah SWT membebaskan kita daripada musibah, kita mula melupakan Allah SWT. Perbaikilah hubungan kita dengan Allah SWT demi keredhaan-Nya!



GLOSARI SYARIAH

Bil Terma

Pengertian

1.	Istibdal	Menukar. Contohnya satu harta wakaf seperti tanah ditukar atau ditebus dengan tanah atau rumah yang lain untuk ditukarkannya dan dijadikan wakaf.
2.	Istisna'	Akad jual beli secara tempahan bagi sesuatu produk dengan spesifikasi tertentu dan dengan kaedah penyerahan dan pembayaran tertentu (sama ada tunai atau bertangguh)
3.	Maslahah 'Ammah	Kepentingan umum
4.	Nazir	Orang yang menguruskan harta wakaf
5.	Qardh Hasan	Akad pinjaman berdasarkan Ihsan
6.	Wakaf	Menahan sesuatu aset atau harta yang sah pemilik pewakaf dan bersedekah manfaatnya ke jalan kebajikan.

